



**SIARAN AKHBAR
UNTUK SIARAN SEGERA**

CELCOM MENGUMUMKAN PARA JUTAWAN BARU KEMPEN '50 JUTA RUPIAH 50 HARI'

Kuala Lumpur, 22 Januari 2009 – Celcom (Malaysia) Berhad pada hari ini telah memberi gelaran jutawan kepada dua pelanggannya yang berjaya memenangi wang sebanyak 50 juta Rupiah apabila mereka mengambil bahagian di dalam promosi '**50 Juta Rupiah 50 Hari**' yang dilancarkan pada 8 Disember 2008.

Celcom telah mengadakan majlis penyerahan hadiah kepada pemenang-pemenang tersebut iaitu **Bapak Poniman bin Zuhran, 43 tahun, dari Jawa Timur** dan **Ibu Ary Andrianty, 29 tahun, dari Jawa Barat**.

Bapak Poniman merupakan seorang warga Indonesia yang telah menetap di Malaysia selama 22 tahun. Sejak hari pertama promosi ini dilancarkan, beliau telah membuat panggilan ke keluarga di Indonesia sebanyak RM30 hingga RM50 sehari dan telah menjawab sebanyak 3 hingga 5 soalan setiap hari selama 25 hari. Menurut Bapak Poniman, beliau akan menderma sebanyak 15 juta Rupiah daripada hasil kemenangannya kepada beberapa masjid di Indonesia.

Ibu Ary pula merupakan seorang suri rumahtangga yang telah memegang nombor Celcom sejak tahun 2005. Kekerapan beliau membuat panggilan ke keluarga di Indonesia ialah sebanyak 2 hingga 4 kali seminggu dan beliau telah menjawab soalan sebanyak 5 kali sebelum diumumkan sebagai salah seorang pemenang kempen ini.

Kempen '50 Juta Rupiah 50 Hari' telah diperkenalkan sejajar dengan pelancaran Prabayar Celcom Sukses yang memberi peluang kepada para pelanggan untuk

mendapatkan hadiah 50 juta Rupiah (bersamaan dengan RM16,500) dengan hanya membuat panggilan minimum RM10 ke Indonesia dalam sehari.

Setakat ini, seramai **43 pemenang telah menerima 50 juta Rupiah sehari**. Ini bermakna, secara keseluruhan, Celcom telah memberi lebih kurang RM710,000 kepada para pemenang. **Secara purata, ribuan pelanggan telah mengambil bahagian dalam kempen ini setiap hari** bermula pada hari pertama hingga hari ke-43 (8 Disember 2008 – 20 Januari 2009). Kebanyakan para pemenang kempen ini telah menghantar hasil kemenangan 50 juta Rupiah tersebut ke akaun bank keluarga mereka di Indonesia. Pemenang juga diberi pilihan untuk menerima wang tersebut dalam Ringgit Malaysia, bernilai RM16,500.

Encik Zalman Aefendy Zainal Abidin, Naib Presiden Kanan, Pemasaran, Celcom (Malaysia) Berhad berkata, "Kempen '50 Juta Rupiah 50 Hari' ini merupakan salah satu usaha Celcom untuk meningkatkan penguasaan kami dalam segmen IDD di kalangan rakyat Indonesia di Malaysia. Kami percaya bahawa promosi seperti ini mampu menarik minat lebih ramai lagi pelanggan untuk membeli Celcom Sukses."

Cara-cara untuk menyertai kempen '50 Juta Rupiah 50 Hari' adalah seperti berikut :

- Dapatkan Prabayar Celcom Sukses
- Buat panggilan minimum RM10 dalam sehari untuk satu penyertaan
- Semua panggilan adalah terkumpul dalam sehari
- 5 penyertaan maksimum sehari
- Jawab soalan mudah melalui SMS
- Jawapan yang tepat berpeluang untuk mendapatkan hadiah 50 juta Rupiah setiap hari, untuk 50 hari

Penyertaan adalah sah untuk pelanggan Celcom Sukses yang berdaftar melalui pembelian pek dan perpindahan dari pek atau talian lain bermula 8 Disember 2008 hingga 26 Januari 2009.

Prabayar Celcom Sukses dikhaskan untuk warga Indonesia yang menetap di Malaysia dan dijual pada harga **RM8.50** berserta **RM5** masa panggilan. Pek ini menyediakan

kadar **Panggilan Terus Antarabangsa (IDD) dan SMS terendah ke Indonesia**. Pek prabayar ini juga dilengkapi dengan kandungan harian Indonesia percuma dan ditawarkan secara eksklusif kepada pelanggan Celcom Sukses sahaja.

Antara nilai terbaik yang ditawarkan ialah **Teman 20**, iaitu kadar khas untuk ahli keluarga dan teman sehingga 20 orang, dengan pelanggan menikmati panggilan suara dan video dengan kadar 15 sen, khidmat pesanan ringkas (SMS) sebanyak 1 sen dan MMS sebanyak 15 sen. Pelanggan juga berpeluang untuk menambah lima nombor XL kepada senarai Teman 20 mereka, dengan kadar caj 35 sen seminit untuk panggilan dan 5 sen untuk SMS.

Celcom Sukses juga menawarkan ciri yang menarik termasuk **tempoh kredit satu dan dua tahun** yang membolehkan pelanggan mengekalkan nombor talian sehingga dua tahun tanpa perlu meneliti akaun. Bagi mengekalkan perkhidmatan setahun, pelanggan hanya perlu membayar RM30, manakala untuk dua tahun RM50, dan menambah nilai minimum kredit RM30, untuk enam bulan pertama selepas melanggan talian.

Di samping itu, para pelanggan juga boleh menikmati program ganjaran eksklusif iaitu **Bonus Sukses**. Ganjaran-ganjarannya termasuk **Bonus Banyak Guna, Bonus Setia** dan **Bonus Hari Jadi**.

Untuk memastikan segala pertanyaan pelanggan Celcom Sukses dijawab, Celcom telah memperkenalkan satu talian khas untuk mereka di **1-300 113 162 atau 13162 dari telefon Celcom**.

Celcom juga berkerjasama dengan Kedutaan Besar Republik Indonesia (KBRI) untuk menawarkan **KBRI Helpline**, sebuah saluran untuk pelanggan yang ingin bantuan daripada pihak Kedutaan. Untuk menghubungi KBRI Helpline, pelanggan Celcom Sukses hanya perlu menghantar **aduan / maklumat mereka melalui SMS ke 21945**. Segala aduan dan pertanyaan akan dijawab oleh kakitangan KBRI sendiri dalam Bahasa Indonesia.

Untuk maklumat lanjut mengenai kempen '50 Juta Rupiah 50 Hari' atau Prabayar Celcom Sukses, sila layari www.celcom.com.my.

- tamat -

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi :

Celcom (Malaysia) Berhad

Perhubungan Media

Komunikasi Korporat

Rohizan Ismail & Afni Baizura Mohd Adnan

Tel : +6013 344 9690 / +6019 270 6008